

20/03/2004

Umno punca Pas letak calon wanita: Dr Mahathir

IPOH: Tun Dr Mahathir Mohamad percaya jika tidak kerana Umno, Pas tidak akan meletakkan calon wanita bertanding pada pilihan raya umum, esok kerana menganggap wanita tidak berhak menjadi pemimpin.

Beliau berkata, ini kerana sebelum ini Pas mendakwa wanita yang menjadi pemimpin kononnya salah dan berdosa, tetapi berlaku sebaliknya pada kali ini apabila meletakkan calon wanita untuk bertanding.

"Mungkin kerana Pas sedar jika tidak meletakkan calon wanita mereka akan kalah, sebab itu mereka melupakan dakwaan mereka itu.

"Selalunya begitulah Pas. Dulu kata sesiapa yang bekerjasama dengan bukan Islam, orang itu kafir. Tapi sekarang mereka peluk Lim Kit Siang (Pengerusi DAP)," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan jentera pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Rapat di Bilik Gerakan DUN Sungai Rapat di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan calon BN DUN Sungai Rapat, Hamidah Osman.

Hamidah yang juga Ketua Wanita Umno bahagian Gopeng adalah muka baru dan menghadapi pertandingan tiga penjurong dengan calon Pas, Roslan Shahrum dan R Balakrishnan (Bebas).

"Kita seharusnya berlaku adil kepada kedua-dua pihak sama ada wanita atau lelaki kerana keadilan seperti ini adalah sesuatu yang dituntut agama Islam.

"Sebab itu Umno selalu memberi peluang kepada wanita untuk mengambil bahagian kerana mereka lebih tahu hal ehwal wanita dan masalah wanita dalam masyarakat.

"Kalau kita tidak ada wanita, maka kita tidak akan tahu masalah sebenar yang dihadapi wanita," katanya.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, wanita di negara ini seharusnya bersyukur kerana mereka diberi kebebasan, tetapi bukan kebebasan tanpa had seperti berlaku di Eropah dan Amerika.

"Itu cara mereka, kita tidak boleh tiru. Tapi kita juga tahu bahawa di Afghanistan apabila diperintah Taliban, wanita tidak boleh keluar rumah dan jika berbuat demikian mereka mesti pakai pakaian yang menutup sehingga tidak nampak muka serta hidung.

"Kalau ada wanita berjalan-jalan di bandar tanpa ditemani mahram, sesiapa saja boleh pukul walaupun wanita itu ibu, isteri atau anak orang. Itu adalah satu ketidakadilan yang dilarang agama Islam," katanya.

Beliau berkata, wanita juga dianiaya sehingga tidak boleh pergi ke sekolah, bekerja dan tidak boleh berbuat apa-apa.

Dr Mahathir percaya jika Pas dibenarkan memerintah negara ini dan tidak ada sesiapa mencabar mereka, mungkin mereka akan menindas dan melakukan ketidakadilan seperti itu.